

MB - PERJUMPAAN 'ا'ا'ا'

1977
IPOH, 24 SEPT (BERNAMA) — PEMANGKU PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERJUMPA DENGAN AHLI-AHLI EXCO DAN JUGA PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO DAN BARISAN NASIONAL UNTUK MENGADAKAN PERBINCANGAN TERTUTUP.

MENURUT SUMBER-SUMBER POLITIK SELEPAS MESYUARAT TERSEBUT, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU MEREKA MENGENAI KEDUDUKAN MENTERI BESAR, TAN SRI GHAZALI JAWI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DIJANGKA AKAN MENGADAP SULTAN PERAK DI SEBUAH HOTEL DI KUALA LUMPUR ESOK.

DATUK SERI MAHATHIR MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SEBELUM BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR +SAYA DATANG UNTUK MENYAMPAIKAN SATU PERUTUSAN DAN ARAHAN SAYA IALAH SAYA TIDAK BOLEH MENGUMUMKANNYA,+

DITANYA APAKAH UTUSAN ITU, BELIAU BERKATA +POLITIK,+ DAN ENGGAN MENJAWAB SOALAN LANJUT SAMBIL MENAMBAH +JIKA SAYA DITANYA MENGENAI EKONOMI, SAYA BOLEH MEMBERITAHU.+

MENTERI BESAR TAN SRI GHAZALI JUGA ENGGAN MENYATAKAN APA-APA SAMBIL MENOLAK DENGAN SENYUM SEGALA SOALAN.

ENCIK ABDUL LATIF BIN HAJI MAT LAJIN, WAKIL PAS BAGI KAWASAN BOTA TELAH MENEMANI PEMANGKU PERDANA MENTERI YANG BERLEPAS PULANG DENGAN JET EKSEKUTIF KE KUALA LUMPUR. — BERSAMBUNG 2012/ZCM

MB - PERJUMPAAN 2 IPOH 'ا'ا'ا'

SEBALIK SAJA TIBA DARI KUALA LUMPUR PADA PUKUL 3.30 PETANG DATUK SERI MAHATHIR TELAH PERGI KE RUMAH MENTERI BESAR UNTUK BERTEMU AHLI-AHLI EXCO UNTUK SELAMA 25 MINIT.

SELEPAS ITU BELIAU BERTEMU DENGAN 30 ORANG AHLI DEWAN UNDANGAN DARI BARISAN NASIONAL — KECUALI SEORANG YANG TIDAK HADIR — DAN JUGA ANGGOTA JAWATANKUASA PERHUBUNGAN UMNO, TERMASUK TIMBALAN MENTERI PENERANGAN, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN MAT ISA, YANG JUGA TIMBALAN PENGURUSI UMNO PERAK.

MESYUARAT ITU BERJALAN KIRA-KIRA SATU JAM 35 MINIT. DATUK SERI DR. MAHATHIR BERLEPAS PULANG PADA PUKUL 6.30 PETANG. — BERNAMA 2014/ZCM